

MAHATHIR - AKHBAR 'R' 'R' 'R'

1982

KUALA LUMPUR, 12 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI JAMINAN AKAN TERUS MEMBERI KEBEBASAN KEPADA AKHBAR SEJAJAR DENGAN DASAR LIBERALISMENYA DENGAN SYARAT PIHAK AKHBAR TIDAK MENJEJAS IMEJ BAIK KERAJAAN.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BELIAU PERCAYA DENGAN KEBEBASAN AKHBAR KERANA BERPENDAPAT MEDIA MASSA MERUPAKAN SALURAN BAIK MENDAPATKAN SEGALA KRITIK DARIPADA ORANG RAMAI MENGENAI KERAJAAN. 'TETAPI SEMUA WARTAWAN PERLU, DALAM MEMBUAT LAPORAN, MEMENTING -KAN APA YANG BAIK KEPADA NEGARA DAN MASYARAKAT DAN BUKANNYA APA YANG BAIK UNTUK MELARISKAN SURAT AKHBAR DAN UNTUK POPULARITI SESEORANG PEMBERITA,' TEGASNYA DALAM SATU PERTEMUAN DENGAN PARA WARTAWAN DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BELIAU SENTIASA MENASIHATKAN PARA MENTERINYA MEMBACA SEGALA KRITIKAN YANG TERKANDUNG DALAM AKHBAR SETIAP HARI SEBAGAI SATU CARA UNTUK MEMPERBAIKI PERJALANAN JENTERA KERAJAAN. --LAGI

MAHATHIR-AKHBAR 2 KUALA LUMPUR 'R' 'R' 'R'

+SAYA JUGA TELAH MEMBERITAHU PIHAK AKHBAR BEBERAPA KALI MEREKA BOLEH MEMBUAT LAPORAN BIASATAN MENGENAI SEBARANG PENYELEWENGAN TETAPI BUKANLAH SKANDAL SEKS YANG DIJADIKAN MODAL SABAN HARI OLEH SETENGAH-SETENGAH AKHBAR TERTENTU,+ TEGASNYA.

BELIAU BERKATA MASYARAKAT BUKAN SAHAJA AKAN JEMU JIKA SENTIASA DISOGOKKAN DENGAN CERITA -CERITA SKANDAL SEKS TETAPI JUGA IA MENDATANGKAN KEBURUKAN KEPADA ORANG YANG DIKATAKAN KONONNYA TERLIBAT DENGAN SKANDAL SEKS KERANA TIDAK DAPAT MEMBUAT PENJELASAN.

+SAYA SEDIH KERANA AKHBAR-AKHBAR ITU BERTINDAK SEOLAH-OLAH DIALAH MENJAGA MORAL DAN MARUAH TETAPI SEBENARNYA IA HANYA BERTUJUAN MELARISKAN JUALAN AKHBAR SAHAJA+. --BERNAMA 1237/OM